

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan)  
Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan) 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.  
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. (1) Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966 bolehlah, apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, dinamakan Akta (Memperbadankan) Perbadanan Produktiviti Negara 1966.  
Pindaan-pindaan am dan pentafsiran sebutan-sebutan mengenai Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966. 19/66.
- (2) Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Majlis Daya Pengeluaran Negara" atau "Majlis" di mana-mana jua terdapat masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "Perbadanan Produktiviti Negara" atau "Perbadanan".

(3) Pengarah Pusat yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta ibu hendaklah, selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, dikenali sebagai "Ketua Pengarah" dan segala sebutan mengenai "Pengarah" atau "Pengarah Pusat" dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

(4) Pertukaran nama yang diperuntukkan oleh subseksyen (1) dan (2) tidaklah menyentuh mana-mana hak atau obligasi Majlis atau mencatatkan apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya; dan mana-mana prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini bolehlah diteruskan atau dimulakan di bawah nama barunya.

Pindaan  
seksyen 2.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 2 dengan yang berikut:

"Tafsiran. 2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Ketua Pengarah" ertinya pegawai eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 5 (1);

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan perindustrian;

"Perbadanan" ertinya Perbadanan Produktiviti Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 (1)."

Pindaan  
seksyen 3.

4. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—

fa) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Kementerian Perdagangan dan Perindustrian" dalam perenggan (c) subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi";

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Kementerian Buroh dan Tenaga Rakyat" dalam perenggan (e) subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "Kementerian Sumber Manusia";

(c) dengan menggantikan perenggan (i) subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(i) sekurang-kurangnya tiga orang tetapi tidak lebih daripada tujuh orang wakil daripada sektor swasta;"

(d) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (i) subseksyen (3) perenggan baru (j) dan (k) yang berikut:

"(j) seorang wakil daripada persatuan majikan; dan

(k) seorang wakil daripada mana-mana persatuan yang mewakili pekerja-pekerja.";

(e) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan yang berikut:

"(5) Ahli-ahli yang tersebut dalam subseksyen (3) boleh melantik daripada kalangan mereka Pengerusi sementara untuk mempengerusikan apa-apa mesyuarat Perbadanan semasa Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidak berupaya bagi sementara kerana sakit atau tidak ada bagi sementara dalam Malaysia.";

(f) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "tempoh" yang mula-mula terdapat dalam subseksyen (6), perkataan-perkataan "yang tidak melebihi tiga tahun";

(g) dengan memotong proviso kepada subseksyen (6); dan

(h) dengan menggantikan noktah bertindih yang terdapat di akhir subseksyen (6) dengan noktah.

Seksyen  
bam 3A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 3, seksyen baru 3A yang berikut:

"Ahli-ahli  
silih ganti.

3A. (1) Menteri hendaklah, berkenaan dengan setiap ahli Perbadanan yang dinyatakan dalam seksyen 3 (3) (c) hingga (g), melantik satu orang daripada Kementerian atau jabatan yang sama dengan ahli itu menjadi ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Perbadanan, menggantikan ahli itu, yang tidak dapat dihadiri oleh ahli itu kerana apa-apa sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat-mesyuarat Perbadanan, ahli silih ganti hendaklah disifatkan sebagai ahli Perbadanan bagi segala maksud.

(3) Ahli silih ganti hendaklah berhenti daripada menjadi ahli silih ganti, melainkan jika dia menghentikan keahliannya terlebih dahulu, atau perlantikannya dibatalkan terlebih dahulu, apabila ahli yang baginya dia menjadi ahli silih ganti berhenti menjadi ahli."

Pindaan  
seksyen 5.

6. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dan nota birai kepada seksyen 5 dengan yang berikut:

"Perlantikan 5. (1) Perbadanan—  
Lembaga

Pengurusan  
dan pegawai-  
pegawai lain.

(a) hendaklah, dengan persetujuan Menteri, melantik seorang pegawai eksekutif yang akan menjadi Ketua Pengarah;

(b) boleh melantik mana-mana pegawai lain sebagaimana yang perlu atas terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkannya patut,

sebagai anggota Lembaga Pengurusan yang hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan harian hal-ehwal Perbadanan dan yang hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan dan menjalankan kuasa-kuasa sebagaimana yang diwakilkan kepadanya oleh Perbadanan.";

(b) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

"(1A) Perbadanan boleh melantik, atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, pegawai-pegawai dan kakitangan lain sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini.";

(c) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (d) subseksyen (2) dengan koma bernoktah; dan

(d) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (d) subseksyen (2), perenggan baru (e) yang berikut:

"(e) bagi tata tertib pegawai-pegawai dan kakitangan yang boleh mengandungi—

(i) peruntukan-peruntukan mengenai tahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain, atau bagi penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan

- lain, seseorang pegawai atau kakitangan sementara menanti prosiding tatatertib selesai;
- (ii) pewujudan apa-apa kesalahan tatatertib dan pengadaaan peruntukan mengenai hukuman-hukuman tatatertib sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pempuangan kerja atau penurunan pangkat; dan
  - (iii) prosedur bagi prosiding tatatertib, yang sepatutnya memberikan peluang bagi representasi dibuat oleh pegawai atau kakitangan yang terhadapnya prosiding tatatertib telah diambil sebelum sesuatu keputusan dicapai oleh pihak berkuasa tatatertib atas pertuduhan tatatertib yang akan dikenakan terhadap pegawai atau kakitangan itu."

Seksyen  
baru 5A  
dan 5B.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 5, seksyen baru 5A dan 5B yang berikut:

"Tatatertib  
pegawai-  
pegawai  
dan  
kakitangan-  
kakitangan.

5A. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Tatatertib Perbadanan yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) dua orang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli-ahli Perbadanan, seorang daripadanya hendaklah dipilih sebagai pengerusi; dan
- (b) Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 5 (1).

(2) Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan tiap-tiap pegawai dan kakitangan Perbadanan selain daripada Ketua Pengarah ialah Jawatankuasa Tatatertib Perbadanan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Jawatankuasa Tatatertib berkenaan dengan Ketua Pengarah hendaklah terdiri daripada Pengerusi Perbadanan sebagai pengerusi dan dua orang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli-ahli Perbadanan.

(4) Ketua Pengarah tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Tatatertib dalam mana-mana prosiding yang di hadapannya dia menjadi pengadu; tempatnya hendaklah diambil oleh seorang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli-ahli Perbadanan.

(5) Pada menjalankan kerja-kerja tatatertibnya, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana aturan yang boleh dibuat di bawah seksyen 5.

(6) Jawatankuasa Tatatertib boleh, tertakluk kepada subseksyen (7), mewakili mana-mana kerja, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana Jawatankuasa pegawai atau kakitangan Perbadanan, berkenaan dengan mana-mana pegawai atau kakitangan tertentu Perbadanan, atau berkenaan dengan mana-mana golongan atau kategori pegawai atau kakitangan Perbadanan, dan Jawatankuasa yang diwakili dengan kerja-kerja, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan sedemikian hendaklah melaksanakan, menjalankan atau menunaikannya di bawah arahan dan kawalan Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah

mempunyai kuasa untuk mengkaji semula, membatalkan atau mengubah mana-mana keputusan atau dapatan jawatankuasa itu.

(7) Tiada perwakilan boleh dibuat di bawah subseksyen (6) yang membolehkan seorang pegawai atau kakitangan Perbadanan menjadi ahli suatu jawatankuasa yang boleh menjalankan mana-mana kuasa tatatertib ke atas seseorang pegawai atau kakitangan yang lebih tinggi pangkatnya daripada dia.

(8) Mana-mana pegawai atau kakitangan Perbadanan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib atau mana-mana jawatankuasa yang diwakilkan dengan kerja-kerja, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan di bawah subseksyen (6) boleh, dalam tempoh empat belas hari, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Perbadanan yang boleh sesudah itu mengesahkan, mengakaskan atau memberikan arahan-arahan tentang perkara itu sebagaimana yang difikirkannya patut dan wajar.

(9) Keputusan Perbadanan atas rayuan itu adalah muktamad.

Perbadanan  
boleh  
melantik  
jawatan-  
kuasa-  
jawatan-  
kuasa.

5B. (1) Perbadanan boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa bagi apa-apa maksud yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan mana-mana kuasa, kewajipan atau kerjanya di bawah Akta ini; mana-mana jawatankuasa yang dilantik sedemikian hendaklah termasuk tidak kurang daripada seorang ahli Perbadanan dan bolehlah dilantik untuk menganggotai jawatankuasa itu orang-orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Jawatankuasa yang dilantik sedemikian hendaklah mengawalselia prosedurnya sendiri.

(3) Mana-mana jawatankuasa yang dilantik sedemikian hendaklah menuruti apa-apa arahan yang diberikan kepadanya dari semasa ke semasa oleh Perbadanan, dan Perbadanan boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau menukar keanggotaan mana-mana jawatankuasa yang dilantik sedemikian.

(4) Maka bolehlah dibayar kepada ahli-ahli mana-mana jawatankuasa apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri.

(5) Jawatankuasa itu boleh menjemput mana-mana orang, yang pada pendapatnya, memiliki pengetahuan khas yang memberikan faedah kepadanya, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa itu dan orang yang dijemput sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat sedemikian.

(6) Jawatankuasa itu hendaklah melaporkan syor-syornya kepada Perbadanan."

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan yang berikut: Pindaan seksyen 7.

"Kerja-kerja Perbadanan. 7. Kerja-kerja Perbadanan adalah—

- (a) menerajui penggalakan dan penyebaran maklumat dan isu-isu yang berhubungan dengan produktiviti;
- (b) menubuhkan suatu pusat maklumat dan rujukan bagi indeks produktiviti bagi negara dan bagi sistem-sistem pengurusan dan kajian-kajian kes;
- (c) mengeluarkan kepakaran tempatan dalam bidang produktiviti, mutu, pengurusan dan keusahawanan;

RANG UNDANG-UNDANG

- (d) mempertingkatkan pembangunan sumber manusia pada peringkat penyeliaan dan peringkat pengurusan keduanya dalam negara;
- (e) menasihati dan menyelaraskan pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan produktiviti dan mutu;
- (f) menilai dan memperakui program-program penyeliaan dan latihan pengurusan, program-program keusahawanan, dan program-program produktiviti dan pengurusan mutu yang dijalankan oleh sektor swasta bagi orang awam;
- (g) menjalankan latihan atau program-program lain yang berhubungan dengan produktiviti, mutu, pengurusan dan keusahawanan;
- (h) mengadakan perkhidmatan rundingan yang berhubungan dengan produktiviti, mutu, pengurusan dan keusahawanan;
- (i) mengumpul, mengeluarkan dan menerbitkan maklumat mengenai produktiviti, mutu, pengurusan, keusahawanan dan hal-hal perkara lain yang berhubungan;
- (j) menjalankan usaha-usaha perniagaan bagi maksud menunaikan kerjakerjanya di bawah Akta ini dengan kelulusan Menteri;
- (k) memberikan laporan tiap-tiap tahun kepada Menteri mengenai kemajuan dan masalah-masalah meningkatkan produktiviti dalam perdagangan dan industri dalam negara dan membuat syor-syor mengenai cara bagaimana masalah-masalah itu boleh diuruskan; dan

- (I) membuat semua perkara dan benda yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada penunaian kerja-kerjanya di bawah Akta ini."

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 7, seksyen baru 7A dan 7B yang berikut: Seksyen baru 7A dan 7B.

"Kuasa untuk menggunakan khidmat ejen-ejen. 7A. Perbadanan boleh mengunakhidmat dan membayar penasihat-penasihat teknik, termasuklah peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara, jurubank-jurubank atau orang-orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau untuk membuat apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam penyempurnaan kewajipan-kewajipannya atau bagi menjalankan maksud-maksud Akta dengan lebih baik.

Panel-panel perundingan. 7B. (1) Menteri boleh dari semasa ke semasa menubuhkan satu atau lebih panel perundingan.

(2) Adalah menjadi kerja sesuatu panel perundingan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) untuk menasihati Perbadanan mengenai apa-apa perkara yang dirujuk kepada Perbadanan yang berhubung dengan kerja-kerja Perbadanan.

(3) Sesuatu panel perundingan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah terdiri daripada—

- (a) sekurang-kurangnya tiga orang tetapi tidak lebih daripada tujuh orang wakil daripada sektor awam;
- (b) sekurang-kurangnya tiga orang tetapi tidak lebih daripada sepuluh orang daripada sektor swasta;

RANG UNDANG-UNDANG

(c) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang wakil daripada institusi-institusi pengajian tinggi; dan

(d) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang wakil daripada persatuan-persatuan yang mewakili pekerja-pekerja.

(4) Menteri boleh, sebagai tambahan kepada ahli-ahli yang dinyatakan dalam subseksyen (3), melantik mana-mana ahli atau ahli-ahli lain daripada kalangan orang-orang yang memiliki pengetahuan khas dalam bidang-bidang tertentu."

Pindaan  
seksyen 9.

**10. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—**

(a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "bayaran", koma dan perkataan-perkataan "komisen-komisen atau apa-apa balasan lain"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "oleh Pusat" dengan perkataan "olehnya".

Pindaan  
seksyen 10.

**11. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—**

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Pusat Daya Pengeluaran Negara" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "Perbadanan Produktiviti Negara"; dan

(b) dengan memotong perkataan-perkataan "atau kepada Pusat" dalam perenggan (h) subseksyen (2).

Pindaan  
seksyen 14.

**12. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pusat" dalam subseksyen (1) dengan perkataan "Perbadanan".**

(MEMPERBADANKAN) MAJLIS DAYA  
PENGELUARAN NEGARA (PINDAAN)

13. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 14, seksyen bam 14A yang berikut: Seksyen  
bam MA.

"Akta  
Badan  
Berkonun  
(Akaun dan  
Laporan  
Tahunan)  
1980  
terpakai.  
*Akta 240.* 14A. Akta Badan Berkonun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Perbadanan."

14. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan  
seksyen 17.

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "ahli" dalam subseksyen (1), koma dan perkataan-perkataan "pegawai-pegawai dan kakitangan";
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "dan pegawai<sup>2</sup> dan kakitangan Pusat," dalam subseksyen (1);
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "ahli" dalam subseksyen (2), perkataan-perkataan "atau pegawai atau kakitangan"; dan
- (d) dengan memotong perkataan-perkataan ", atau pegawai atau kakitangan Pusat" dalam subseksyen (2).

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda nama Majlis Daya Pengeluaran Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta itu menjadi "Perbadanan Produktiviti Negara". Pengarah Pusat yang dilantik di bawah seksyen 5 sekarang dikenali sebagai "Ketua Pengarah". Segala sebutan mengenai "Majlis" dan "Pengarah" dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah oleh itu ditafsirkan dengan sewajarnya.

## RANG UNDANG-UNDANG

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Akta selaras dengan pertukaran nama-nama itu.
4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 3 berhubung dengan keanggotaan Perbadanan.
5. *Fasal 5* mengajukan seksyen baru 3A untuk membuat peruntukan bagi perlantikan ahli-ahli silih ganti.
6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 5 Akta untuk membuat peruntukan bagi perlantikan Ketua Pengarah dan juga pegawai-pegawai lain sebagai anggota Lembaga Pengurusan yang akan bertanggungjawab bagi pentadbiran harian hal-ehwal Perbadanan. Perbadanan adalah juga diberikuasa untuk melantik pegawai-pegawai lain bagi menjalankan maksud-maksud Akta. *Fasal 6 (d)* memberikan kuasa kepada Perbadanan untuk membuat kaedah-kaedah bagi tatatertib pegawai-pegawai dan kakitangannya.
7. *Fasal 7* bertujuan mengajukan dua seksyen baru, iaitu, seksyen 5A dan 5B. Seksyen baru 5A menubuhkan suatu Jawatankuasa Tatatertib, menetapkan keanggotaannya dan menerangkan bidang kuasa dan kuasa-kuasanya. Keputusan-keputusan Jawatankuasa Tatatertib boleh dirayu kepada Perbadanan. Seksyen baru 5B membolehkan Perbadanan melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya menjalankan fungsi-fungsinya.
8. Pusat Daya Pengeluaran Negara adalah dimansuhkan melalui pindaan kepada seksyen 7 Akta sebagaimana yang diperuntukkan dalam *fasal 8*. Fungsi-fungsi Pusat itu ditentukan semula dan diambil alih oleh Perbadanan.
9. *Fasal 9* memasukkan dua seksyen baru ke dalam Akta. Seksyen 7A memberikan kuasa kepada Perbadanan untuk menggunakan ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik untuk bertindak bagi pihak Perbadanan. Seksyen 7B memberikan kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan panel-panel perundingan dan menerangkan fungsi-fungsi dan keanggotaan panel-panel itu.
10. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 9 Akta untuk memberikan kuasa kepada Perbadanan menerima komisen-komisen dan juga balasan yang bukan bentuk wang bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikannya.
11. *Fasal 13* mengajukan seksyen baru 14A untuk memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Perbadanan.

(MEMPERBADANKAN) MAJLIS DAYA  
PENGELUARAN NEGARA (PINDAAN)

12, Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan-pindaan sampingan atau kecil.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan pada masa ini. [PN. (U<sup>2</sup>) 1564.]